

Cabutan

Dan pakaianmu hendaklah engkau
bersihkan; dan maksiat hendaklah
engkau jauhi – Maksud al-Qur’ān.

*

“Jangan harap masalah Rhodesia
akan selesai selagi kekerasan tidak
digunakan” – Tengku.

*

Tengku tidak ingin pertumpahan
darah berlaku di Rhodesia atau
mengharapkan kejadian itu berlaku.

*

Kerajaan Johor hendaklah
mengumpulkan pelayan-pelayan wanita untuk
diberi nasihat agama bagi menjadikan
mereka pelayan-pelayan yang terkawal akhlakunya
– Cik Hasanah Ahmad di Dewan
Undangan Johor.

*

Di Singapura akhbar-akhbar bebas
menyatakan kebenaran, memberitahu perkara-perkara
yang sudah nyata berlaku, dan dengan
itu mempengaruhi rakyat – Othman Wok.

*

Orang yang menjadi pemerintah selalu
akan berbuat boleh dikata apa sahaja,
namun mengaku salah tidak sekali-kali
– Tuan Walter Lippmann (dari *Commune*).

*

UMNO ialah pertubuhan perpaduan
Melayu. Orang yang hendak merosakkan

Tahukah tuan!



Setengah orang-orang Islam di India
beriktikad bahawa sesiapa yang
bersembahyang di masjid lama di kota
Delhi akan diberi pahala 25 ganda
oleh Tuhan.

Kepercayaan tersebut adalah salah,
kerana dalam hadith Nabi mengatakan hanya
tiga buah masjid sahaja yang diberi
kelebihan pahala sesiapa yang bersembahyang
di dalamnya. Iaitu Masjidil Haram di Mekah,
Masjid Nabi di Madinah dan Masjid
al-Aqsa di Baitul Maqdis Palestin.

UMNO akan merosakkan diri mereka
sendiri – Tengku Abdul Rahman.

*

Satu perkara yang harus kita
ambil tahu ialah 75 peratus
daripada penduduk Republik Singapura
yang seramai dua juta itu ialah
keturunan orang-orang Cina – Dr.
Toh Chin Chye.

*

Kita mestilah menunjukkan bahawa
Singapura bukanlah merupakan satu
alat pengesat kaki tepi pintu untuk
orang lain – Dr. Toh Chin Chye.



Memang sudah menjadi satu adat
kebiasaan kepada para pelukis bangsa
Inggeris di zaman silam suka
melukis diri sendiri dengan
lukisan-lukisan cat berminyak.

Tetapi anehnya gambar-gambar yang mereka
lukis itu boleh mereka ubah-ubah
menurut keadaan zaman dan masa,
baju-baju yang mereka pakai dalam gambar
lukisan yang pertama boleh mereka tukar
dengan baju-baju fesyen baru menurut
perubahan zaman.



Rupanya perasaan cemburu yang
tersemat di hati seorang wanita itu
bukan hanya terhadap sesama manusia
sahaja; tetapi juga terhadap
makhhluk yang lain.

Lady George seorang wanita
Inggeris yang hidup di zaman Queen
Victoria memiliki sebuah gudang
kutubkhanah yang dipenuhi dengan berbagai
buku-buku yang dikarang oleh pujangga
lelaki dan wanita. Yang anehnya ia
berpendapat buku-buku yang dikarang oleh
pujangga-pujangga lelaki tidaklah elok
disusun bersama-sama dengan buku-buku yang
dikarang oleh pujangga-pujangga wanita.